

30 MAR 2001

Dewan - pinda

DEWAN PINDA ENAKMEN RANG UNDANG-UNDANG BIASISWA

SHAH ALAM, 30 Mac (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri Selangor hari ini sebulat suara meluluskan rang undang-undang enakmen Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Selangor (Pindaan) 2001 bagi meminda enakmen asal yang sudah berusia lebih 50 tahun.

Ketika membentangkan rang undang-undang pindaan itu, Timbalan Menteri Besar Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad berkata sebanyak 12 fasal baru dimasukkan (Fasal 11 hingga Fasal 22) bagi memantapkan lagi enakmen itu.

Katanya, enakmen asal yang mengandungi 10 Seksyen, juga memberi penjelasan kepada tafsiran mengenai perkara-perkara utama termasuklah takrifan kepada "Anak Selangor", "pelajar" dan Biasiswa".

"Takrifan kepada "anak Selangor" iaitu mereka atau ibu bapa mereka yang lahir di negeri Selangor atau pelajar tersebut lahir di Kuala Lumpur sebelum 1 Feb 1974," katanya.

Takrifan kepada "pelajar" dijelaskan sebagai seorang yang telah diberikan atau ditawarkan biasiswa oleh Lembaga sementara biasiswa ialah segala bentuk biasiswa atau geran atau pinjaman untuk pengajian tinggi.

Menurut Dr Zainal Abidin yang juga pengerusi tetap Pendidikan, penjelasan kepada takrifan "biasiswa" juga termasuk tambang perjalanan, elaun pakaian, wang saku, yuran tuisyen dan lain-lain yang ditentukan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

Dalam sesi perbahasan rang undang-undang baru itu, Datuk Dr Mohamad Hassan Ali (Pas: Sungai Burong), yang menyokong enakmen pindaan itu, walau bagaimanapun mencadangkan pengubahsuaian dilakukan terhadap penjelasan takrifan "Anak Selangor".

Beliau berpendapat mereka yang bukan lahir di Selangor, tetapi menetap lama di negeri itu dan dikenalpasti mempunyai bakat dalam bidang-bidang akademik terpilih dan sukar, seperti bidang aktuari, kejuruteraan kapal dan kejuruteraan satelit boleh dipertimbangkan sebagai anak Selangor.

"Mereka ini jika ditakrifkan sebagai anak Selangor dan layak diberi biasiswa pelajaran negeri, tentunya akan memberi sumbangan dan menaikkan lagi nama negeri," katanya.

Dr Hassan juga mencadangkan supaya pemberian biasiswa dan pinjaman pelajaran diberikan kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi dalam bidang agama Islam.

"Ini kerana saya mendapati ramai ibu bapa inginkan anak mereka mendalami ilmu agama dan ada juga ingin anak mereka menjadi ulamak," katanya.

Sementara itu, Dr Zainal Abidin dalam menggulung hujah, mengumumkan seramai 5,327 peajar masih lagi belum membayar pinjaman mereka dengan jumlah tunggakan RM21.42 juta.

Daripada jumlah itu, seramai 3,722 pelajar masih belum membayar tunggakan pinjaman pelajaran berjumlah RM15.459 juta, manakala 1,605 pelajar selebihnya masih belum membayar pinjaman pelajaran tenaga mahir "Fast Track" berjumlah RM5.96 juta.

Beliau juga mengumumkan langkah yang diambil oleh Lembaga Pemberian Biasiswa mengiklankan nama-nama pelajar yang termasuk dalam kategori "Tidak Membayar Langsung".

"Setakat ini seramai 148 orang peminjam serta penjamin-peminjam telah diiklankan namanya di akhbar-akhbar tempatan," katanya.

Selain enakmen Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Selangor, dewan undangan negeri juga meluluskan dua lagi enakmen pindaan.

Enakmen-enakmen tersebut ialah Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2001 (Semua Peringkat) dan Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2001 (Semua Peringkat). Dewan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang belum ditetapkan lagi.

-- BERNAMA

RIZ RI